



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

Kulim sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti dan mengamalkan sikap amanah di dalam segala urusan atau perniagaannya.

Melalui polisi ini setiap anggota pekerja Kulim adalah bertanggungjawab :

- ❖ Memaklumkan sebarang perhubungan peribadi yang terdapat di tempat kerja dan apa-apa keputusan pengambilan dan pembangunan anggota pekerja dilaksanakan dengan adil berdasarkan objektif yang telah digariskan.
- ❖ Menjaga nama baik dan reputasi syarikat di dalam mana-mana penglibatan luar termasuk pekerjaan, pengarah atau sebarang aktiviti luar. Semua anggota pekerja adalah dilarang sama sekali untuk menerima imbuhan dalam bentuk wang atau bukan wang dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan atau pesaing syarikat.
- ❖ Memastikan tiada kepentingan kewangan peribadi kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan atau pesaing syarikat.
- ❖ Tidak dibenarkan menerima atau menawarkan sebarang bentuk hadiah, atau keraian yang bersifat peribadi daripada atau kepada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan atau urusan rasmi dengan syarikat.

Polisi ini bertujuan mengelakkan daripada timbulnya sebarang konflik kepentingan peribadi atau wujud sebarang persepsi berkaitan konflik kepentingan peribadi yang melibatkan mana-mana pihak dalam sebarang urusan perniagaan atau urusan rasmi di masa akan datang antara Kulim dengan pihak-pihak tersebut.

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018